

PENTAKSIRAN PBD SAINS TINGKATAN 4
BAB 10 : KIMIA DALAM PERUBATAN

NAMA : _____

KELAS : _____

Tonton video di bawah:



Jawab soalan di bawah berdasarkan tontonan video di atas:

Perubatan Tradisional, Moden dan Komplementari

1. Nyatakan ubat tradisional yang boleh digunakan untuk merawat penyakit- penyakit di bawah: (TP1)

Gamat

Lidah buaya


Ginseng

halia

Pokok bunga raya

PENYAKIT	UBAT
i) Mengurangkan rasa loya	
ii) Mengurangkan kesakitan kulit daripada selaran matahari	
iii) Merawat masalah keguguran rambut	
iv) Memelihara kesihatan badan	
v) Merawat bengkak, luka dan gigitan serangga	

2. Lengkapkan peta pokok di bawah (TP2)



3. Padankan gambar dengan perubatan komplementari yang betul (TP3)



Menggunakan cawan pada permukaan kulit untuk mengeluarkan darah kotor daripada badan.



Urutan dapat melegakan kesakitan, ketegangan otot dan masalah urat saraf.



Menggunakan jarum halus yang dimasukkan ke titik akupunktur



Menggunakan tumbuhan atau bahagian tumbuhan untuk mengubat penyakit

4. Berikan kesan negatif daripada penyalahgunaan ubat-ubatan berikut. (TP5)

UBAT	KESAN NEGATIF
i) ANTIBIOTIK	
ii) PARASETAMOL	
iii) KODEINA	
iv) AMFETAMIN	
v) KLOROPROMAZIN	

Radikal Bebas

5. a) Apakah yang dimaksudkan dengan radikal bebas? (TP1)

- b) Nyatakan dua faktor luaran yang boleh menghasilkan radikal bebas di dalam badan manusia. (TP2)

- c) Lengkapkan pernyataan di bawah untuk menerangkan cara radikal bebas terbentuk. (TP4)

Radikal bebas merupakan molekul yang _____ satu elektron menjadikan molekul itu _____ dan _____. Sifat _____ ini mampu _____ molekul lain dalam _____ seperti lipid dan protein. Tindak balas ini menyebabkan lebih _____ radikal bebas _____.

Bahan Antioksidan

6. Rajah di bawah menunjukkan contoh bahan antioksidan yang terdapat dalam makanan.



- a) Apakah maksud bahan antioksidan. (TP1)

- b) Berikan dua bahan antioksidan yang terdapan dalam rajah di atas. (TP2)

- c) Nyatakan satu faktor yang mempengaruhi pengoksidaan makanan. (TP2)

TERIMA KASIH KERANA MENJAWAB SOALAN.